

Analisis Persepsi Ibu Bapa Terhadap Manfaat dan Risiko Penggunaan Internet dalam Kalangan Remaja di Lembah Klang

HASLINA MOHAMED HASSAN
Universiti Teknologi MARA

MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penggunaan Internet dan peranti pintar yang meresap ke dalam masyarakat menjadikan golongan remaja antara yang aktif menggunakan Internet dan pelbagai peralatan digital dalam kehidupan harian. Di sebalik penggunaan Internet sebagai satu keperluan pada masa kini, timbul persoalan tentang manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang persepsi ibu bapa terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif menerusi borang soal selidik. Seramai 384 orang ibu bapa di sekitar Lembah Klang yang mempunyai anak remaja berusia 13 hingga 17 tahun dan menggunakan Internet menjadi responden melalui proses persampelan bertujuan. Analisis data dijalankan secara deskriptif dan berdasarkan inferens bagi mengkaji min dan sisihan piawai serta ujian t tidak bersandar. Dapatan kajian menunjukkan ibu bapa berpandangan bahawa remaja menggunakan Internet untuk pembelajaran, hiburan, berkomunikasi dan memperoleh maklumat. Namun penggunaan Internet berupaya mendedahkan remaja kepada orang yang tidak dikenali serta pengaruh negatif daripada kandungan dalam talian. Sementara itu, dapatan kajian juga menunjukkan persepsi terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja tidak dipengaruhi oleh faktor jantina ibu bapa. Dapatan kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang pentingnya mengambil perhatian tentang penggunaan Internet oleh anak-anak pada masa kini khususnya remaja supaya dapat memantau penggunaan Internet bagi tujuan yang bermanfaat dan menghindari aktiviti berisiko dalam talian.

Kata kunci : *Ibu bapa, manfaat, risiko, Internet, remaja.*

Parents' Perception Regarding The Opportunities and Risks of Internet Use on Adolescents

ABSTRACT

The use of the Internet and smart devices that permeate into society has led to adolescents becoming active users of the Internet and various digital devices in daily life. Despite the Internet being regarded as a necessity nowadays, questions arise regarding both the benefits and the risks of Internet use on adolescents. Accordingly, this article aims to discuss parents' perceptions on the benefits and risks of Internet use on adolescents. A quantitative method was adopted in this study, using questionnaire as the research instrument. A total of 384 parents from the Klang Valley with children aged between 13 and 17 years old who use the Internet were chosen as respondents through purposive sampling. Data analysis was carried out descriptively and inferentially to study the mean and standard deviation. An independent t-test was also conducted. The findings of the study indicate that parents perceive that their adolescent children use the Internet for purposes of learning, entertainment, communication, and obtaining information. However, the use of the Internet is able to expose their adolescent children

to strangers as well as the negative influences from online content. Meanwhile, the findings of the study also show that perceptions of the opportunities and risks of the Internet use on adolescents are not influenced by parents' gender. The findings can also lead to more awareness amongst parents today about the importance of paying attention and monitoring the use of the Internet by their children, especially adolescents, to ensure that the Internet is being used for beneficial purposes and to avoid any risky online activities.

Keywords: *Parents, opportunities, risks, Internet, adolescents.*

PENGENALAN

Teknologi digital telah mengubah gaya hidup manusia yang merangkumi aktiviti harian, cara bekerja dan cara berkomunikasi. Internet dan peranti digital iaitu telefon pintar dan komputer adalah antara alat penting dalam masyarakat masa kini. Penggunaan Internet yang meluas tanpa mengira umur, jantina dan bangsa menyumbang pelbagai manfaat kepada pengguna untuk tujuan pendidikan, pengetahuan, *edutainment*, hiburan, kreativiti dan komunikasi (Hoffmann-Wróblewska et al., 2021; Hansaram 2019). Terdapat banyak aplikasi Internet untuk pelbagai aktiviti bagi pengguna muda seperti permainan dalam talian, interaksi media sosial, mendengar muzik dan menonton video dalam talian serta pesanan segera.

Internet yang menjadi elemen penting dalam kehidupan seharian pada hari ini merupakan rangkaian komputer yang menghubungkan berjuta-juta komputer di seluruh dunia. Internet berupaya untuk menyebarkan maklumat secara pantas, menyediakan mekanisme untuk berinteraksi sesama individu menerusi komputer tanpa mengambil kira kedudukan geografi (Leiner et al., 1997). Rangkaian Internet pada hari ini bersifat awam. Oleh itu penggunaan Internet telah menembusi pelbagai lapisan masyarakat yang menggunakannya untuk tujuan perdagangan elektronik, memperoleh maklumat, perkongsian maklumat dan sebagainya. Di samping itu, kemunculan Web 2.0 yang bersifat interaktif telah meningkatkan lagi populariti Internet dalam kalangan masyarakat.

Di Malaysia, Internet telah diperkenalkan kepada masyarakat pada tahun 1995 (Saodah & Shafizan, 2017). Teknologi ini berkembang apabila penggunaan aplikasi media sosial dan peranti digital seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba menjadi faktor peningkatan penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat Malaysia. Laporan tinjauan pengguna Internet oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2020 menunjukkan anggaran 88.7 peratus penduduk Malaysia merupakan pengguna Internet. Pemangkin kepada jumlah yang tinggi ini ialah peningkatan infrastruktur jalur lebar mudah alih, akses yang lebih luas kepada liputan rangkaian dan peningkatan dalam kualiti rangkaian. Sementara itu, anggaran tempoh masa penggunaan Internet adalah antara lima hingga lapan jam sehari. Manakala peranti digital utama yang digunakan untuk melayari Internet dalam kalangan masyarakat di negara ini ialah telefon pintar (SKMM, 2020).

Dalam keasyikan masyarakat Malaysia menggunakan Internet dan peranti digital, perlu diingat bahawa golongan kanak-kanak dan remaja juga tidak terkecuali daripada terlibat dalam arus teknologi ini. Penggunaan Internet sememangnya satu keperluan pada masa kini lebih-lebih lagi ketika pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia. Kanak-kanak dan remaja perlu menggunakan Internet bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam tempoh tertentu disebabkan wabak yang melanda (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Selain itu, mereka juga menggunakan Internet untuk berkomunikasi dan berhibur berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengehadkan pergerakan orang ramai ke kawasan awam sebagai

langkah mengekang penularan wabak Covid-19. Oleh itu, ibu bapa tidak ada pilihan dan perlu membenarkan anak-anak menggunakan Internet ketika berada di rumah.

Bagaimanapun, demi keperluan penggunaan Internet pada masa kini dan masa hadapan, ibu bapa juga perlu sedar bahawa alam maya adalah luas dan pelbagai jenis maklumat sama ada yang baik atau buruk dapat diperolehi. Internet membuka ruang yang besar untuk remaja mengakses pelbagai laman sesawang (Nor Azrina et al., 2021). Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menekankan tentang kepentingan kesedaran ibu bapa menerusi persepsi mereka terhadap penggunaan Internet dalam kalangan remaja agar Internet digunakan untuk perkara yang bermanfaat dan seterusnya mengurang atau mengelak daripada aktiviti yang membawa risiko kepada remaja dari segi mental dan fizikal. Sehubungan dengan itu, artikel ini membincangkan tentang persepsi ibu bapa terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja serta perbezaan persepsi berdasarkan jantina ibu bapa. Berikut ialah persoalan kajian yang dirumuskan selaras dengan objektif kajian:

- (a) Apakah persepsi ibu bapa terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja?
- (b) Adakah terdapat perbezaan persepsi manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan jantina ibu bapa?

KAJIAN LITERATUR

Kesedaran Ibu Bapa Tentang Keselamatan Internet

Keluarga adalah institusi sosial yang merangkumi ibu bapa dan anak-anak. Dalam konteks keluarga, ibu bapa adalah individu yang mempunyai pertalian yang paling rapat dengan anak-anak. Oleh itu, ibu bapa berperanan penting dalam membesarkan, mendidik, mengasuh dan menjaga anak-anak dalam segala aspek kehidupan yang merangkumi nilai rohani, fizikal dan mental (Ruli, 2020; Habibie et al., 2018). Tanggungjawab ibu bapa secara amnya adalah besar dalam memastikan anak-anak menjadi manusia yang berguna serta berjaya dalam kehidupan dunia dan akhirat. Kemunculan teknologi maklumat dan digital termasuk Internet dan peranti digital menambahkan lagi tanggungjawab ibu bapa dalam memastikan anak-anak menggunakan Internet dan peranti digital untuk perkara yang bermanfaat dan dalam masa yang sama mengelak atau mengurangkan risikonya kepada anak-anak.

Kebanyakan ibu bapa masa kini membenarkan anak-anak menggunakan Internet serta menyediakan peranti digital seperti telefon pintar, komputer, komputer riba dan tablet. Bagaimanapun kebimbangan terbesar ibu bapa adalah potensi risiko kepada keselamatan anak-anak ketika di dalam talian (Greyson et al., 2021). Dalam masa yang sama ibu bapa juga menghadapi kekangan dari segi pengetahuan dan kemahiran teknikal serta kekangan masa. Sesetengah ibu bapa mahu menjadi perantara bagi penggunaan Internet anak-anak mereka. Namun kekurangan kemampuan teknologi dan kurangnya pemahaman tentang cara Internet berfungsi dapat menghalang usaha mereka untuk membantu anak-anak (Alqahtani et al., 2017). Di samping itu faktor kekangan masa berikutan kesibukan bekerja dan urusan harian turut menghalang usaha ini..

Dari segi kesedaran ibu bapa tentang keselamatan dalam talian, kebanyakan ibu bapa sedar terhadap kemungkinan risiko yang boleh berlaku (Nazilah et al., 2019) andainya tiada pemantauan seperti isu bertemu dan mengikut orang tidak dikenali daripada perkenalan di Internet. Dalam pada itu, ibu bapa lebih peka terhadap isu kandungan yang tidak sesuai dan isu kontak luar sebagai risiko dalam talian kepada remaja. Manakala ibu bapa kurang berpengetahuan tentang risiko terhadap kelakuan seperti buli siber yang berlaku kepada anak

mereka (Inan-Kaya et al., 2018). Oleh itu, kurangnya kesedaran ibu bapa boleh menyebabkan kanak-kanak dan remaja terjebak dengan bahaya yang serius dan menjadi mangsa penjenayah Internet (Alqahtani et al., 2017).

Remaja dan Internet

Peringkat remaja ialah tahap transformasi mental, emosi, sosial dan fizikal seseorang menuju fasa kematangan dalam kehidupan manusia (Orben et al., 2020). Dalam fasa ini, pelbagai perubahan biologi berlaku terhadap fizikal remaja termasuklah perkembangan ciri seksual dan hormon yang mempengaruhi kematangan remaja. Oleh yang demikian, remaja boleh mengalami tekanan emosi akibat perubahan fizikal dan hormon yang berlaku. Selain aspek biologi, keadaan sekeliling turut mempengaruhi perkembangan remaja dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial. Perubahan lain yang berlaku dalam fasa ini termasuklah aspek spiritual, kecenderungan dan kemahuan terhadap sesuatu, daya intelektual dan kemampuan untuk menyesuaikan dengan diri dengan keadaan sekeliling (Busso et al., 2018). Selain itu, remaja juga berdepan dengan pengaruh rakan sebaya, pembentukan nilai baharu dalam pilihan persahabatan, nilai baharu dalam penerimaan sosial serta perubahan dalam tingkah laku (Umashankari et al., 2020). Akibatnya, remaja mencari kebebasan yang merangkumi kebebasan autonomi dalam membuat keputusan, kebebasan emosi dan tindakan serta bebas daripada kawalan ibu bapa. Memandangkan remaja sedang melalui peringkat peralihan dari alam kanak-kanak menuju ke alam dewasa, mereka memerlukan bimbingan, panduan dan pendidikan yang sewajarnya khususnya daripada ibu bapa.

Sementara itu, perkembangan teknologi komunikasi Internet dan peranti digital khususnya telefon pintar turut memberi kesan kepada golongan remaja. Oleh sebab sifat remaja yang ingin mencuba sesuatu yang baharu, kehadiran Internet membuka paradigma baru untuk mereka mencari identiti diri dan ekspresi diri (Doster, 2018). Ciri-ciri Internet yang menawarkan hiburan dan maklumat serta sifat telefon yang mudah alih menarik perhatian remaja untuk meneroka dan memupuk kecenderungan terhadap teknologi alam maya. Antara aktiviti dalam talian yang popular dalam kalangan pengguna muda ini adalah menonton klip video, mendengar muzik, bermain permainan dalam talian, menyiapkan tugas sekolah, berbalas mesej ringkas dengan kawan-kawan dan ahli keluarga, berinteraksi di media sosial, mencari maklumat dan memuat naik gambar (Child Wise, 2017).

Dalam pada itu, aplikasi Internet penting sebagai agen sosial kepada proses perkembangan remaja. Pengenalan kepada media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan Snapchat serta permainan dalam talian membentuk minat baharu dalam kalangan remaja masa kini. Malahan kemunculan telefon pintar menjadi penyumbang kepada penggunaan Internet dan media sosial apabila remaja menggunakan peranti ini untuk mengakses Internet (Sarina et al., 2021). Media sosial seperti Facebook, Instagram dan Tiktok menjadi platform untuk remaja berhibur (Ana Afrina et al., 2021) di samping meluahkan perasaan dan membentuk identiti mereka. Platform alam siber penting kepada golongan muda kerana di sinilah mereka memperoleh kebebasan untuk membina identiti diri serta membina hubungan dengan rakan sebaya.

Tidak dinafikan bahawa Internet berupaya untuk memberi impak positif kepada remaja sebagai platform untuk memperoleh maklumat, ilmu pengetahuan, mengeratkan persahabatan dan berhibur (Lakshmana et al., 2017). Bagaimanapun, Internet juga berupaya untuk membawa kesan negatif yang mendedahkan remaja kepada pengaruh kandungan yang tidak sesuai dengan peringkat usia mereka serta pencerobohan privasi dan bertemu dengan

orang yang tidak dikenali secara dalam talian. Internet boleh mendedahkan remaja kepada risiko yang mengancam keselamatan mereka (Livingstone et al., 2017).

Oleh itu, dalam usaha membina generasi muda yang berpengetahuan dan berkemahiran teknologi digital, kesedaran tentang isu-isu keselamatan dalam talian perlu dititikberatkan. Hal ini kerana penggunaan teknologi seperti peranti digital dan Internet tidak dapat dielakkan dalam kehidupan masa kini. Menyedari keadaan dan keperluan remaja untuk menggunakan Internet, keluarga khususnya ibu bapa memainkan peranan penting dalam memastikan remaja menggunakan teknologi digital secara bertanggungjawab demi keselamatan diri. Remaja memerlukan perhatian dan bimbingan tentang isu keselamatan semasa melayari Internet.

Manfaat Internet kepada Remaja

Internet menyediakan platform untuk proses pembelajaran, pencarian maklumat, hiburan, komunikasi dan penyertaan dalam interaksi sosial yang penting dalam kehidupan harian (Livingstone & Byrne, 2018). Menerusi platform Internet juga, golongan remaja boleh mengilhamkan kreativiti, antaranya dengan berkarya seperti menulis blog, mengubah muzik, mencipta animasi, merakam video, menyunting gambar serta melukis yang dapat menampilkan bakat mereka. Internet juga bermanfaat untuk kanak-kanak dan remaja bagi tujuan pembelajaran dan hiburan (Alqahtani et al., 2017).

Ketika pandemik Covid-19 melanda dunia, penggunaan Internet dalam kalangan remaja semakin meningkat. Di Malaysia, *Google Meet* digunakan secara meluas untuk bersemuka secara dalam talian bagi menghadiri kelas pembelajaran. Selain itu, penggunaan *Google Classroom* adalah untuk menerima dan menyerahkan tugas sekolah (Bond & Bergdhal, 2021). Manakala aplikasi pemesejan segera WhatsApp dan Telegram berfungsi sebagai medium komunikasi antara murid dan ibu bapa dengan guru dan pihak sekolah bagi memastikan sesi pembelajaran boleh terus berlangsung di rumah. Selain itu, golongan remaja menggunakan Internet untuk bermain permainan dalam talian seperti *Mobile Legends*, *PUBG*, *Fortnite*, *Roblox* dan banyak lagi, mendengar muzik, menonton klip video, drama, filem, berinteraksi di media sosial serta berkomunikasi menerusi mesej ringkas pada masa lapang memandangkan ramai ibu bapa tidak menggalakkan anak-anak keluar rumah. Oleh itu, Internet menjadi medium utama bagi remaja meneruskan aktiviti harian mereka dalam aspek pembelajaran, hiburan dan komunikasi.

Isu berkaitan Penggunaan Internet

Internet pada dasarnya diperkenalkan untuk kegunaan golongan dewasa. Oleh itu, kandungan serta aplikasi Internet dicipta mengikut keperluan orang dewasa sama ada untuk urusan kerjaya, komunikasi dan hiburan. Bagaimanapun, penggunaan Internet telah meresap ke dalam kalangan remaja dan kanak-kanak (UNICEF, 2017). Rentetan itu, timbul persoalan apakah kesannya apabila kanak-kanak dan remaja terdedah kepada kandungan yang pada asalnya dirumuskan untuk kegunaan golongan dewasa. Berikut adalah isu-isu yang seringkali dibangkitkan sebagai risiko Internet kepada remaja.

a. Penggunaan Internet Bermasalah

Penggunaan Internet secara berlebihan boleh menyebabkan pengguna terjebak dalam penggunaan Internet yang bermasalah yang juga dikenali sebagai *Problematic Internet Use* (PIU). Beberapa istilah lain yang digunakan untuk menjelaskan isu ini ialah ketagihan Internet,

PIU dan gangguan permainan (*gaming disorder*) (Dahl & Bergmark, 2020). Masalah berkaitan penggunaan Internet berlaku apabila pengguna tidak mampu mengawal penggunaan lantas mengganggu kehidupan harian. Kajian lalu menunjukkan antara aktiviti dalam talian yang berkaitan dengan penggunaan Internet secara berlebihan ialah permainan, interaksi media sosial, perjudian, membeli-belah, seks maya dan pencarian maklumat secara berlebihan (Wu et al., 2015). Selain itu, ketagihan Internet juga berkaitan dengan ketagihan telefon pintar (Norbaidurah, 2018). Bagi golongan remaja, masalah ketagihan Internet adalah disebabkan oleh penggunaan aplikasi seperti Youtube, Instagram, Facebook, e-mel, melayari Google dan permainan dalam talian (Fitria et al., 2018). Kajian juga mendapati bahawa remaja yang menetap dan bersekolah di kawasan bandar lebih terdedah kepada ketagihan Internet disebabkan peningkatan akses Internet di kawasan bandar (Ying Ying, 2021).

b. Pendedahan kepada Elemen Seksual

Internet membolehkan kandungan seksual lebih mudah diakses oleh semua pengguna termasuklah kandungan pornografi dalam bentuk gambar, video, iklan pornografi serta teks yang tidak sesuai untuk kanak-kanak dan remaja. Sesetengah kandungan muncul secara tiba-tiba yang dikenali sebagai *accidental pop-ups* ketika kanak-kanak dan remaja sedang melayari Internet (Livingstone, 2014). Lebih merisaukan bagi kebanyakan ibu bapa adalah perbuatan remaja menggunakan peranti secara peribadi seperti telefon pintar dan komputer riba di bilik tidur masing-masing. Akibatnya remaja berkemungkinan terdedah kepada kandungan berunsur seksual tanpa mereka sedari.

Seterusnya adalah hantaran mesej seks iaitu *Sexting*. Istilah *Sexting* berasal daripada perkataan seks dan teks yang merujuk kepada perbuatan menghantar, menerima dan berkongsi bahan-bahan seperti gambar, video atau mesej teks yang berunsur seksual menerusi Internet dan media elektronik (Ojeda et al., 2020). Isu *sexting* mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik di negara-negara Barat yang mendapati *sexting* turut berlaku dalam kalangan remaja. Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja memberi kesan terhadap tingkah laku seksual yang membawa kepada perbuatan *sexting* dan seterusnya menimbulkan tingkah laku seksual negatif (Arsad et al., 2021).

Selain itu, isu yang dikaitkan sebagai risiko Internet adalah dandanan seksual dalam talian. Istilah ini merujuk kepada *Online Sexual Grooming* iaitu perbuatan orang dewasa menjalin atau membina hubungan dengan kanak-kanak dan remaja secara peribadi yang bertujuan untuk memudahkan hubungan seksual sama ada secara dalam talian atau luar talian (Wurtele et al., 2019; Resett 2021). Hal ini seterusnya menyebabkan eksploitasi mangsa termasuk perbuatan seksual dan menjadikan mangsa sebagai bahan penderaan seksual (ICMEC, 2017). Sifat Internet yang mudah diakses oleh remaja menyebabkan mereka mudah terdedah kepada orang yang tidak dikenali khususnya menerusi media sosial dan permainan dalam talian. Salah satu kes dandanan seksual dilaporkan di Malaysia apabila seorang usahawan kosmetik ditahan oleh pihak polis untuk siasatan lanjut tentang siaran langsung video menerusi *Instagram Live* yang juga tular dalam laman Facebook dan Twitter (Nor Azihan, 2021). Siaran video itu menunjukkan usahawan berkenaan membuat komunikasi lucah dan amang seksual bersama rakannya di hadapan audiens remaja lelaki berusia 14 dan 15 tahun. Perbuatan itu disifatkan sebagai melampau dan tidak sopan kerana membincangkan isu seksual dengan pengguna Internet bawah umur. .

c. Meniru Aksi Cabaran Dalam talian

Beberapa cabaran dalam talian telah tular dalam kalangan remaja. Sesetengahnya berlaku di luar negara namun maklumat tersebar dengan mudah dan pantas menerusi Internet dan ia turut tular di Malaysia. Antara cabaran dalam talian yang tular ialah *Momo Challenge*, *Blue Whale Challenge*, *Kylie Jenner Lip Challenge* (Kopecky et al., 2020), *Cinnamon Challenge*, *Tide Pod Challenge*, *Nutmeg Challenge* (Minhaj & Leonard, 2021) serta *Skullbreaker Challenge*, *Fainting Challenge*, *Hot-Pepper Challenge* dan banyak lagi. Ia dikenali sebagai cabaran kerana membabitkan aksi yang tidak berbahaya hingga membawa kepada aksi yang mengerikan dan kemudiannya menjadi bahaya. Perbuatan ini lazimnya dikongsi dan dimuat naik menerusi media sosial atau YouTube. Paparan ini kemudiannya menjadi tontonan remaja sebagai hiburan. Bagaimanapun, sesetengah cabaran ini mendorong mereka untuk mencuba aksi yang ditonton. Manakala sesetengah remaja pula terdedah kepada tekanan rakan sebaya dan takut ketinggalan (*FOMO*, *Fear of Missing Out*) menyebabkan mereka tidak mahu ketinggalan trend yang menjadi ikutan terkini (Muhammad Ashraf et al., 2021). Akibatnya, remaja mungkin tidak memikirkan kesan yang berlaku daripada perbuatan itu lantas mencubanya yang akhirnya menyebabkan kemudaratan kepada mental dan fizikal mereka.

d. Buli siber

Buli siber adalah satu bentuk buli yang baharu. Buli siber berlaku di alam maya. Meskipun tidak membabitkan buli secara fizikal namun buli siber memberi kesan yang mendalam terhadap mangsa. Buli siber seringkali dirujuk sebagai perbuatan agresif yang disengajakan dan dilakukan oleh individu atau kumpulan secara berulang kali dan dari semasa ke semasa menerusi penggunaan peranti elektronik seperti komputer, e-mel dan telefon bimbit terhadap mangsa (Cho et al., 2019). Antara bentuk buli siber yang berlaku dalam talian termasuk ancaman, gangguan, penghinaan dan memalukan mangsa secara dalam talian. Ciri-ciri tanpa nama (*anonymity*) dalam talian menyebabkan pengguna Internet mudah melakukan perkara-perkara yang membuli pengguna lain secara maya pada bila-bila masa. Selain itu, penggunaan alat peranti digital khususnya telefon pintar menjadi pemangkin kepada perbuatan buli siber sama ada sebagai pembuli atau mangsa (Englander, 2019). Di Malaysia, buli siber kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja memandangkan mereka gemar menggunakan medium komunikasi dalam talian yang tidak mengenal sempadan (Simon, 2017). Kesan daripada buli siber menyebabkan remaja menjadi gelisah, murung atau mengambil keputusan untuk membunuh diri (Dorol-Beauroy-Eustache & Mishara, 2021).

e. Orang yang tidak dikenali

Internet juga berperanan sebagai platform untuk bertemu atau mendapat kenalan baru di alam maya. Walaupun membina persahabatan baharu memberi manfaat kepada remaja, namun berkenalan dengan orang yang tidak dikenali adalah berbahaya. Kadangkala remaja tidak dapat membezakan antara kawan dengan bukan kawan iaitu orang yang tidak dikenali (Livingstone, 2014). Orang yang tidak dikenali adalah berbahaya sekiranya mereka terdiri daripada orang dewasa yang menggunakan identiti rakan sebaya dan mempunyai agenda tersembunyi, seorang pedofilia, pengintai maya (*stalker*) serta pihak yang meminta maklumat peribadi dan mengaturkan pertemuan di luar (Smahel et al., 2020).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif menerusi tinjauan soal selidik bagi mendapatkan maklumat dan mengumpul data daripada responden. Kaedah tinjauan juga membolehkan kajian ini menghubungkan pemboleh ubah yang dikaji. Kaedah ini mengukur objektif kajian iaitu persepsi ibu bapa terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja dan perbezaan persepsi ibu bapa terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan jantina ibu bapa.

Persampelan dan Prosedur

Penyelidikan ini menetapkan beberapa kriteria bagi persampelan responden. Pertama, responden ialah ibu bapa yang mempunyai anak remaja berusia 13 hingga 17 tahun, menetap di kawasan Lembah Klang dan adalah pengguna Internet. Setiap responden mewakili satu keluarga. Pemilihan kawasan Lembah Klang sebagai skop kajian adalah disebabkan oleh kepadatan pengguna Internet di kawasan bandar (SKMM, 2020) iaitu ramai ibu bapa dan remaja di kawasan itu menggunakan Internet serta mendapat kemudahan Internet yang lebih meluas.

Seramai 384 orang ibu bapa yang memenuhi kriteria sebagai responden mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Berdasarkan saranan Krejcie dan Morgan (1970), saiz populasi 1,000,000 memerlukan 384 sampel. Teknik persampelan tidak rawak digunakan kerana responden dipilih berdasarkan ciri-ciri yang diperlukan dalam kajian (Zainudin, 2017). Persampelan ini bertujuan untuk membolehkan penyelidik menentukan responden yang sesuai dan spesifik mengikut objektif kajian. Responden kajian terdiri daripada lelaki dan perempuan daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan pekerjaan.

Instrumen

Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik bagi mendapatkan data daripada ibu dan bapa tentang persepsi terhadap manfaat dan risiko Internet kepada remaja. Borang soal selidik digunakan adalah bertujuan untuk mendapatkan data secara deskriptif dan inferens mengikut objektif kajian. Penggunaan kaedah tinjauan soal selidik adalah antara cara pengumpulan data yang terbaik dalam kajian sains sosial kerana kaedah ini mampu memberikan penjelasan yang tepat untuk mewakili populasi yang besar (Babbie, 2011).

Borang soal selidik yang digunakan bersifat tadbir sendiri bagi memudahkan responden menjawab secara bersendirian. Borang ini mengumpul maklumat demografi responden, penggunaan peranti remaja (anak responden) serta jenis aktiviti Internet bagi mendapatkan gambaran umum tentang penggunaan Internet oleh remaja. Seterusnya persepsi responden terhadap manfaat penggunaan Internet kepada remaja dan persepsi responden terhadap risiko penggunaan Internet kepada remaja. Bagi pemboleh ubah manfaat Internet dan risiko Internet, soal selidik menggunakan skala Likert tujuh pilihan yang terdiri daripada amat tidak setuju (1), sangat tidak setuju (2), tidak setuju (3), agak setuju (4), setuju (5), sangat setuju (6) dan amat sangat setuju (7).

Item bagi manfaat Internet dan risiko Internet pula diadaptasi daripada klasifikasi manfaat dan risiko Internet yang diketengahkan oleh Livingstone dan Haddon (2009). Item untuk pemboleh ubah manfaat Internet merangkumi dimensi pengetahuan dan kepuasan sosial, manakala item risiko Internet merangkumi dimensi kandungan dan tingkah laku. Setiap pemboleh ubah terdiri daripada 10 item. Item bagi pemboleh ubah dibangunkan berdasarkan kesesuaian konteks bagi remaja di Malaysia.

Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Borang soal selidik diedarkan kepada ibu bapa yang memenuhi kriteria sebagai responden kajian ini. Proses pengumpulan data dijalankan di Shah Alam, Klang, Petaling Jaya, Bangi dan Kuala Lumpur. Bagi memastikan responden memenuhi kriteria penyelidikan, penyelidik mengesahkan terlebih dahulu dengan responden tentang latar belakang keluarga sama ada mereka mempunyai anak remaja dan maklumat penggunaan Internet mereka. Penyelidik kemudiannya mendapatkan persetujuan responden untuk mereka menjawab borang soal selidik.

Borang soal selidik yang dikumpulkan disaring bagi memastikan setiap item dijawab oleh responden. Data daripada borang soal selidik kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26 untuk dianalisis bagi mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan untuk item penggunaan peranti oleh remaja bagi melayari Internet dan item penggunaan Internet dalam kalangan remaja berdasarkan pengetahuan ibu bapa selaku responden.

Seterusnya bagi menjawab objektif dan persoalan kajian, analisis deskriptif dijalankan bagi mendapatkan nilai min dan sisihan piawai persepsi ibu bapa terhadap manfaat Internet kepada remaja dan persepsi ibu bapa terhadap risiko Internet kepada remaja. Sementara itu, analisis inferens ujian t tidak bersandar dijalankan untuk membandingkan skor min antara dua kumpulan yang berbeza (Pallant, 2016). Dalam penyelidikan ini, ujian t tidak bersandar adalah bertujuan untuk menguji persepsi ibu bapa terhadap manfaat Internet kepada remaja dan persepsi ibu bapa terhadap risiko Internet kepada remaja berdasarkan jantina responden

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama adalah data asas bagi mendapatkan gambaran umum tentang jenis peranti yang digunakan oleh remaja dan jenis penggunaan Internet dalam kalangan remaja berdasarkan kepada pengetahuan dan persepsi ibu bapa. Dapatan dianalisis bagi mendapatkan nilai kekerapan dan peratus.

Penggunaan Peranti oleh Remaja

Jadual 1: Kekerapan dan peratusan penggunaan peranti oleh remaja

Item	Kekerapan	Peratus
Telefon pintar	355	92.4
Komputer riba	161	41.9
Tablet komputer	111	28.9
Komputer peribadi (desktop)	77	20.1

N=384

Jadual 1 menunjukkan jenis peranti yang digunakan oleh remaja berdasarkan pengetahuan ibu bapa. Untuk dapatan ini, responden boleh menjawab lebih daripada satu pilihan untuk peranti yang digunakan. Dengan demikian, analisis menunjukkan bahawa telefon pintar merupakan peranti digital yang utama digunakan oleh remaja untuk mengakses Internet (92.4 peratus), diikuti oleh komputer riba (41.9 peratus), tablet (28.9 peratus) dan komputer peribadi (*desktop*) adalah (20.1 peratus). Hal ini kerana kebanyakan ibu bapa menyediakan telefon pintar khusus untuk kegunaan anak-anak. Populariti telefon pintar sebagai peranti yang digunakan dalam kalangan remaja adalah disebabkan oleh ciri telefon pintar yang mudah alih dan terdapat akses kepada Internet bagi menggunakan pelbagai aplikasi.

Penggunaan Internet dalam Kalangan Remaja berdasarkan Pengetahuan Ibu Bapa

Jadual 2: Kekekapan dan peratusan penggunaan Internet dalam kalangan remaja

Item	Kekekapan	Peratus
Media sosial	296	77.1
Permainan dalam talian	269	70.1
Mendengar muzik	269	70.1
Mesej ringkas	244	63.5
Berbual	205	53.4
Menonton filem, drama, video	174	45.3
Melayari laman sesawang	171	44.5
Kongsi maklumat	152	39.6
Membeli-belah dalam talian	123	32.0
Menonton TV Internet	116	30.2
Membaca blog	70	18.2
Mendapatkan berita	65	16.9

N=384

Jadual 2 menunjukkan penggunaan Internet dalam kalangan remaja di Lembah Klang berdasarkan pengetahuan dan persepsi ibu bapa. Untuk dapatan ini juga, responden boleh memilih lebih daripada satu aktiviti di Internet yang disenaraikan di dalam borang soal selidik. Untuk itu analisis data aktiviti penggunaan Internet menunjukkan remaja aktif menggunakan media sosial (77.1 peratus), diikuti dengan permainan dalam talian dan mendengar muzik (70.1 peratus masing-masing), berbual (*chatting*) (63.5 peratus), berbalas mesej ringkas menerusi aplikasi WhatsApp dan Telegram (53.4 peratus), menonton filem, drama dan video di YouTube (45.3 peratus), melayari laman sesawang untuk memperoleh maklumat terkini (44.5 peratus), berkongsi maklumat (39.6 peratus), membeli belah dalam talian (32 peratus), menonton TV Internet (30.2 peratus), membaca blog (18.2 peratus) dan melayari Internet untuk mendapatkan berita (16.9 peratus).

Dapatan seterusnya membincangkan data berdasarkan objektif dan persoalan kajian menerusi analisis deskriptif dan inferensi.

- a) Bahagian ini membincangkan analisis deskriptif bagi persepsi ibu bapa terhadap manfaat penggunaan Internet kepada remaja dan persepsi ibu bapa terhadap risiko Internet kepada remaja.

Persepsi Ibu Bapa Terhadap Manfaat Internet kepada Remaja

Jadual 3: Persepsi ibu bapa terhadap manfaat Internet kepada remaja

Item	Min	Sisihan Piawai
Anak-anak saya menggunakan Internet untuk tujuan pembelajaran.	5.38	.861
Internet memudahkan anak-anak saya berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan mereka.	5.38	.837
Internet membantu anak saya mencari maklumat baru atau terkini.	5.47	.836
Menerusi Internet, anak-anak saya tahu tentang aktiviti komuniti di sekeliling mereka.	5.10	.970

Menggunakan Internet membolehkan anak-anak saya mendapatkan idea untuk kreativiti	5.34	.887
Internet menjadi sumber inspirasi untuk anak-anak saya mengambil bahagian dalam pertandingan dalam talian (reka bentuk poster, penulisan esei, klip video)	5.15	1.05
Internet membolehkan anak-anak saya untuk mengenali rakan-rakan mereka di alam siber	5.00	.972
Anak-anak saya menggunakan Internet kerana mereka boleh berhubung dengan rakan-rakan melalui sembang dan mesej pendek	5.32	.910
Menerusi Internet, anak saya mendapat kawan-kawan baru	4.91	1.13
Internet menjadi platform hiburan untuk anak-anak saya seperti permainan dalam talian, muzik, klip video, filem dan drama	5.24	.950

Jadual 3 merujuk kepada persepsi ibu bapa terhadap manfaat Internet kepada remaja. Secara keseluruhan, taburan skor min adalah antara 4.91 hingga 5.47. Skor min tertinggi adalah untuk manfaat Internet dalam membantu remaja mencari maklumat baharu dan terkini ($M = 5.47$) diikuti dengan manfaat penggunaan Internet untuk tujuan pembelajaran dan sebagai platform untuk berkongsi pengetahuan dengan rakan sebaya ($M = 5.38$ masing-masing), seterusnya untuk mendapatkan idea bagi tujuan kreativiti ($M = 5.34$), sebagai platform untuk remaja berinteraksi menerusi sembang dan mesej ($M = 5.32$), sebagai platform hiburan ($M = 5.24$), sebagai sumber inspirasi untuk penyertaan pertandingan dalam talian ($M = 5.15$), sumber maklumat tentang aktiviti di sekeliling ($M = 5.10$), untuk membolehkan remaja mengenali rakan-rakan mereka di alam siber ($M = 5.00$) dan untuk mendapatkan kawan-kawan baharu ($M = 4.91$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa melihat Internet sebagai platform yang bermanfaat untuk tujuan pembelajaran, maklumat dan hiburan berbanding dengan manfaat dalam aspek sosial bagi penggunaan Internet oleh remaja.

Persepsi Ibu Bapa Terhadap Risiko Internet kepada Remaja

Jadual 4: Persepsi ibu bapa terhadap risiko Internet kepada remaja

Item	Min	Sisihan Piawai
Penggunaan Internet boleh mendedahkan anak saya berkongsi maklumat peribadi tanpa disedari kepada orang yang tidak dikenali	4.83	1.26
Menonton filem, drama, atau permainan di Internet mendedahkan anak-anak saya kepada tingkah laku negatif. (menggunakan bahasa lucah, kasar, buli)	4.87	1.33
Internet menyebabkan anak-anak saya memberi pendapat atau komen yang mungkin mengganggu pengguna lain. (melalui media sosial).	4.62	1.35

Internet mendedahkan anak-anak saya kepada maklumat, video atau iklan yang mengandungi unsur-unsur pornografi	4.88	1.345
Penggunaan Internet menyebabkan anak-anak saya berkawan dengan orang yang tidak dikenali di ruang maya	4.74	1.349
Maklumat di Internet mendedahkan anak-anak saya kepada pengetahuan tentang dadah, ketagihan alkohol dan merokok	4.63	1.43
Aplikasi di Internet mendedahkan anak-anak saya kepada perbuatan yang boleh membahayakan mereka	4.54	1.50
Anak-anak saya cenderung untuk mempercayai maklumat di Internet	4.85	1.19
Perkongsian lokasi adalah berbahaya kepada keselamatan anak-anak saya	5.05	1.30
Perbuatan memuat naik swafoto di media sosial mendedahkan anak-anak saya kepada orang yang tidak dikenali.	5.25	1.16

Jadual 4 menunjukkan dapatan skor min dan sisihan piawai berdasarkan persepsi ibu bapa terhadap risiko penggunaan Internet kepada remaja. Secara keseluruhan, min untuk pemboleh ubah ini adalah antara 4.54 hingga 5.25. Min tertinggi adalah untuk risiko memuat naik swafoto di media sosial yang mendedahkan remaja kepada orang yang tidak dikenali ($M = 5.25$) diikuti dengan perkongsian lokasi yang membahayakan keselamatan remaja ($M = 5.05$), risiko yang mendedahkan remaja kepada kandungan berunsur pornografi ($M = 4.88$), risiko menonton filem, drama dan permainan dalam talian yang mendedahkan remaja kepada penggunaan bahasa yang tidak sesuai ($M = 4.87$), risiko yang berupaya membuatkan remaja mempercayai maklumat di Internet ($M = 4.85$), risiko mendedahkan maklumat peribadi tanpa disedari kepada orang yang tidak dikenali ($M=4.83$), risiko yang menyebabkan remaja berkawan dengan orang yang tidak dikenali ($M = 4.74$), risiko yang mendedahkan remaja kepada pengetahuan tentang dadah, ketagihan alkohol dan merokok ($M=4.63$), risiko yang menyebabkan remaja memberi pendapat atau komen yang mungkin mengganggu orang lain ($M = 4.62$) dan akhir sekali, risiko menggunakan aplikasi Internet yang mendedahkan remaja kepada perbuatan yang boleh membahayakan dirinya ($M=4.54$).

- b) Bahagian ini membincangkan objektif seterusnya iaitu perbezaan persepsi manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan jantina ibu bapa. Analisis data mengaplikasikan ujian t tidak bersandar bagi tujuan ini.

Ujian t tidak bersandar (Manfaat Internet)

Jadual 5 : Persepsi ibu bapa terhadap manfaat Internet berdasarkan jantina

	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai bagi Min
Manfaat Internet	Lelaki	191	5.2450	.68362	.04946
	Perempuan	193	5.2093	.72774	.05238

Ujian t tidak bersandar perbezaan tahap persepsi ibu bapa terhadap manfaat penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan jantina

		Manfaat Internet	
		Varians sama diandaikan	Varians sama tidak diandaikan
Ujian Levene untuk kesaksamaan varians	F	.921	-
	Sig.	.338	-
	t	.495	.496
	df	.382	380.968
	Sig (2-tailed)	.621	.621
Ujian t untuk kesaksamaan bermakna	Perbezaan Min	.03570	.03570
	Perbezaan ralat piawai	.07207	.07205
95% selang keyakinan perbezaan (CI)	Bawah	-.10601	-.10596
	Atas	.17740	.17736

Jadual 5 melaporkan ujian t tidak bersandar adalah tidak signifikan secara statistik bagi persepsi terhadap manfaat penggunaan Internet kepada remaja antara ibu dan bapa ($t = .495$, $p > 0.05$). Tahap signifikan persepsi bapa ($M = 5.2450$, $SP = .68362$) yang dilaporkan adalah lebih tinggi daripada tahap signifikan persepsi ibu ($M = 5.2093$, $SP = .72774$). Oleh itu, hipotesis nol bahawa tidak ada perbezaan persepsi ibu bapa terhadap manfaat penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan jantina tidak dapat ditolak kerana nilai SP lebih tinggi daripada 0.05

Ujian t tidak bersandar (Risiko Internet)

Jadual 6 : Persepsi ibu bapa terhadap risiko Internet berdasarkan jantina

	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Ralat Piawai bagi Min
Risiko Internet	Lelaki	191	4.8445	1.07970	.07812
	Perempuan	193	4.8104	1.20134	.08647

Ujian t tidak bersandar perbezaan tahap persepsi ibu bapa terhadap risiko penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan jantina

		Risiko Internet	
		Varians sama diandaikan	Varians sama tidak diandaikan
Ujian Levene untuk kesaksamaan varians	F	3.417	-
	Sig.	.065	-
	t	.293	.293
	df	.382	378.514
	Sig (2-tailed)	.770	.770
Ujian t untuk kesaksamaan bermakna	Perbezaan Min	.03414	.03414
	Perbezaan ralat piawai	.11660	.11654
95% selang keyakinan perbezaan (CI)	Bawah	-.19512	-.19500
	Atas	.26340	.26328

Jadual 6 juga mendapati tidak terdapat perbezaan persepsi ibu bapa yang signifikan terhadap risiko penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan jantina ($t = 0.293$, $p > 0.05$). Dapatan ini menjelaskan bahawa jantina bukan faktor yang menentukan persepsi ibu bapa terhadap risiko penggunaan Internet kepada remaja.

PERBINCANGAN

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja secara keseluruhan dan berdasarkan jantina ibu bapa. Penggunaan Internet adalah satu keperluan pada masa kini sama ada untuk golongan dewasa mahupun remaja dan kanak-kanak. Memandangkan Internet pada asasnya diperkenalkan dengan tanggapan bahawa penggunaannya adalah golongan dewasa (Unicef, 2017) sedangkan golongan muda kini adalah antara pengguna tegar, maka kandungan Internet hendaklah mengambil kira keperluan untuk golongan muda. Oleh itu, kajian ini merupakan langkah pertama untuk mengenal pasti manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja berdasarkan persepsi ibu bapa dan perbezaan persepsi berdasarkan jantina ibu bapa. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti pengetahuan sendiri ibu bapa tentang penggunaan peranti dan aktiviti Internet remaja.

Secara keseluruhan, ibu bapa dalam kajian ini melihat kelebihan Internet untuk remaja sebagai platform enjin carian maklumat terkini, pembelajaran, hiburan, berkomunikasi dengan rakan-rakan dan mengembangkan rangkaian sosial. Selari dengan dapatan ini, ibu bapa di Malaysia melihat jenis kandungan Internet sebagai bermanfaat untuk tujuan pendidikan dan hiburan (*edutainment*), permainan dan kreativiti serta peningkatan kemahiran (Hansaram, 2019). Manakala dari aspek risiko dalam talian, ibu bapa lebih prihatin terhadap aktiviti yang mendedahkan remaja kepada orang yang tidak dikenali seperti memuat naik swafoto, berkongsi lokasi dan maklumat peribadi dengan orang yang tidak dikenali (Inan-Kaya et al., 2018). Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa menyedari risiko keselamatan kepada remaja yang disebabkan oleh pendedahan di Internet melalui perkongsian maklumat peribadi dalam aplikasi seperti media sosial dan perkongsian lokasi. Selain itu, ibu bapa juga berpandangan bahawa paparan isi kandungan di Internet yang tidak sesuai dengan usia remaja turut mendapat perhatian sebagai risiko dalam talian.

Berdasarkan dapatan kajian ini, persepsi ibu bapa terhadap manfaat penggunaan Internet kepada remaja adalah lebih tinggi berbanding dengan persepsi terhadap risiko. Faktor ini adalah disebabkan oleh kesedaran ibu bapa di Malaysia tentang ancaman siber yang berada pada tahap sederhana (Nazilah et al., 2019) serta pengetahuan ibu bapa tentang kemungkinan berlakunya risiko keselamatan adalah rendah (Symons et al., 2017). Tambahan pula, ibu bapa percaya bahawa remaja mereka tidak melakukan perkara yang tidak bermoral atau membahayakan diri. Namun, perkara ini mungkin berkaitan dengan aspek demografi yang mana sebagai masyarakat yang berpegang kepada nilai budaya Timur, ada perkara yang tidak wajar didedahkan kepada umum demi menjaga maruah keluarga. Malahan, ibu bapa juga mungkin tidak mengetahui tentang aktiviti sebenar remaja di Internet menyebabkan wujudnya jurang antara aktiviti sebenar remaja di Internet dengan aktiviti yang ibu bapa ketahui secara am (Alqahtani et al., 2017).

Seterusnya, persepsi manfaat dan risiko penggunaan Internet remaja tidak dipengaruhi oleh faktor jantina ibu bapa. Maksudnya, ibu dan bapa di Lembah Klang masing-masing mempunyai persepsi yang sama terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet kepada remaja. Ibu bapa beranggapan bahawa penggunaan Internet adalah suatu keperluan

bagi remaja pada masa kini dan dalam masa yang sama, mereka juga sedar tentang risiko penggunaan Internet.

Sementara itu, dapatan tentang jenis aktiviti Internet remaja adalah berdasarkan kepada persepsi ibu bapa. Analisis kajian mendapati bahawa antara aktiviti utama yang menjadi kelaziman golongan remaja yang menggunakan Internet ialah interaksi di media sosial, permainan dalam talian dan mendengar muzik serta menonton klip video. Dapatan ini selari dengan laporan SKMM (2020) yang menyatakan kebanyakan aktiviti dalam talian adalah untuk bersosial menerusi komunikasi dalam jaringan sosial. Golongan remaja gemar meluangkan masa dengan melakukan aktiviti di Internet seperti permainan video dan menggunakan aplikasi telefon pintar (Nurhamizah & Asbah, 2019). Selain itu, remaja menggunakan Internet untuk bermain permainan dalam talian dan menonton video di platform dalam talian. Dapatan ini menunjukkan bahawa remaja menggunakan Internet untuk komunikasi, mendapatkan pengetahuan dan maklumat serta hiburan.

Bagaimanapun, berdasarkan jenis aktiviti dalam talian oleh remaja, boleh diandaikan bahawa penggunaan media sosial dan permainan dalam talian berupaya mendedahkan remaja kepada orang yang tidak dikenali. Permainan dalam talian yang bersifat *online multiplayer* mungkin menjadi platform untuk remaja terdedah kepada pengguna lain yang tidak dikenali. Selain itu, jaringan sosial seperti aplikasi media sosial berupaya menyebabkan pengguna remaja terdedah kepada tingkah laku yang berisiko seperti buli siber (Thang et al., 2020) serta terpengaruh dengan berita yang tidak benar dan tekanan rakan sebaya yang boleh menyebabkan gangguan mental (Anderson & Jiang, 2018).

Seterusnya, menerusi penggunaan Internet, remaja juga terdedah kepada filem dan drama yang ditayangkan di TV Internet. Media OTT (*over the top*). Langganan seperti *Netflix*, *Hulu*, *Amazon Prime* dan *Viu* menyiarkan tontonan terus kepada pelanggan tanpa penapisan (Asma et al., 2020). Oleh itu, ibu bapa di Malaysia bimbang platform ini boleh mendedahkan remaja kepada kandungan yang tidak sesuai dengan peringkat umur, agama dan budaya (Hansaram, 2019). Selain itu, penggunaan Internet untuk berhubung dan berinteraksi juga menyebabkan golongan remaja bergantung kepada Internet dalam kehidupan seharian (Normah et al., 2013) yang seterusnya membawa kepada penggunaan Internet bermasalah khususnya ketagihan Internet.

Selain itu, penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja untuk melayari Internet adalah tinggi. Sebagai contoh, telefon pintar dimiliki secara meluas oleh golongan remaja yang tinggal di Shah Alam (Jamaluddin et al., 2020). Meskipun telefon pintar memudahkan golongan remaja menggunakan Internet untuk tujuan yang bermanfaat, namun peranti digital ini juga berupaya mendedahkan remaja kepada risiko dalam talian. Ciri-ciri telefon pintar yang mudah digunakan di mana-mana lokasi dan secara privasi seperti di bilik tidur menyebabkan ibu bapa mungkin tidak menyedari aktiviti Internet remaja dan tidak tahu dengan siapa anak mereka berinteraksi, laman sesawang yang dilayari serta tingkah laku sebenar anak mereka ketika berada dalam talian yang berkemungkinan menjadi pembuli atau dibuli di alam siber. Begitu juga dengan penggunaan Internet untuk sistem mesej seperti WhatsApp dan Telegram yang sememangnya bermanfaat untuk tujuan komunikasi dengan kawan-kawan dan ahli keluarga, namun mungkin menerima mesej daripada orang yang tidak dikenali serta komen kecam oleh kawan-kawan di dalam mesej berkumpulan.

KESIMPULAN

Internet berfungsi untuk memudahkan kehidupan manusia. Namun ia perlu digunakan secara positif sebagai platform untuk aktiviti yang bermanfaat dan menghindari aktiviti yang berupaya memberi kesan negatif atau mendatangkan risiko kepada remaja. Ibu bapa pada masa kini sedar tentang pentingnya penggunaan Internet dalam kehidupan remaja. Bagaimanapun, penggunaan Internet memerlukan pemantauan daripada ibu bapa kerana remaja belum cukup matang untuk membezakan kesan baik dan kesan buruk Internet kepada mereka, lantas memerlukan bimbingan khususnya daripada ibu bapa atau penjaga. Dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlu menyeimbangkan dan peka dengan manfaat dan risiko penggunaan Internet terhadap remaja mereka. Sementara itu, kajian pada masa depan boleh memperluaskan skop kajian dengan mengambil kira ibu bapa di negeri-negeri lain di Malaysia. Seterusnya, kajian boleh diperluaskan juga dengan memperbanyakkan item dalam instrumen. Ia juga boleh dijalankan untuk memperoleh persepsi terhadap manfaat dan risiko penggunaan Internet berdasarkan perspektif golongan kanak-kanak dan remaja.

BIODATA

Haslina Mohd Hassan adalah pelajar pengajian Doktor Falsafah di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang Komunikasi Antarapersonal. Email: linahash1992@gmail.com

Dr Mohd Azul Mohamad Salleh adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah media baharu dan teknologi komunikasi. Email: azul@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Alqahtani, N., Atkinson, S., Furnell, S., & Stengel, I. (2017). Internet risks for children: Parents' perceptions and attitudes: An investigative study of the Saudi context (conference paper). 2017 Internet Technologies and Applications (ITA), pp. 98-103.
- Ana Afrina Abd Jamil, Yarina Ahmad, & Ahmad Naqiyuddin Bakar. (2021). Engagement in online entertainment: A preliminary study among adolescents in Klang Valley. *E-Proceeding 8th International Conference on Public Policy and Social Science (ICoPS)*.
- Anderson, M., & Jiang, J. (2018). Teens, social media & technology 2018. *Pew Research Center*. <https://www.pewresearch.org/internet/2018/05/31/teens-social-media-technology-2018/>
- Arsad, F. S., Abdul Khani, M. I. A. & Daud, F. (2021). A systematic review of immersive social media activities and risk factors for sexual boundary violations among adolescents. *IJUM Medical Journal Malaysia (IJMJM)*, 20(1). <https://doi.org/hww8>
- Asma Md Isa, Wan Amizah Mahmud, Haslina Mohamed Hassan, Wan Idros Wan Sulaiman, & Muhamad Adnan Pitchan. (2020). Netflix and quandary of content regulation in Malaysia. *Solid State Technology*, 63(6).
- Babbie, E. (2011). *The basics of social research* (5th ed.). Wadsworth. Cengage Learning.
- Bond, M., & Bergdhal, N. (2021). *UK parents' perceptions of engagement through digital technology during the COVID-19 pandemic: A preliminary analysis* (conference paper). 13th International Conference on Education and New Learning Technologies (online conference), 5-6 July, 2021. <https://doi.org/10.21125/edulearn.2021.2438>
- Busso, D., Volmert, A., & Kendall-Taylor, N. (2018). Building opportunity into adolescence. *Framework Institute*. <https://www.frameworksinstitute.org/publication/building-opportunity-into-adolescence/>
- Child Wise*. (2017). Monitor report 2017: Children's media use and purchasing.
- Cho, S., Lee, H., Peguero, A. A., & Park, S. (2019). Social-ecological correlates of cyberbullying victimization and perpetration among African American youth: Negative binomial and zero-inflated negative binomial analyses. *Children and Youth Services Review*, 101, 50–60.
- Dahl, D., & Bergmark, K. H. (2021). Problematic internet use: A scoping review – longitudinal research on a contemporary social problem, 2006–2017. *Nordic Studies on Alcohol and Drugs*, 37(6), 497–525.
- Dorol-Beauroy-Eustache, O., & Mishara, B. L. (2021). Systematic review of risk and protective factors for suicidal and self-harm behaviors among children and adolescents involved with cyberbullying. *Preventive Medicine* 152(1), 106684. <https://doi.org/h29q>
- Doster, L. (2018). *Teen identity, social comparison and voyeurism in social media: An investigation of UK millennial consumption behaviours in Facebook* [Doctoral Dissertation, Royal Holloway, University of London].
- Englander, E. (2019). Childhood access to technology and cyberbullying. *Journal of Pediatrics and Pediatric Medicine*, 3(2), 1-4.
- Fitria, L., Ildil, I., Erwinda, L., Ardi, Z., Afdal, A., Sari, A. P., Fadli, R. P., Rangka, I. B., Suranata, K., Bariyyah, K., Zola, N., & Churnia, E. (2018). Exploring Internet addiction on adolescents. *Journal of Physics: Conference Series*, 1114, 012076. <https://doi.org/hwxc>
- Greyson, D., Chabot, C., Mniszak, C., & Shoveller, J. A. (2021). Social media and online safety practices of young parents. *Journal of Information Science*, 1–14.

- Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani Sawai, Nurul Hudani Md Nawi, & Puteri Hayati Megat Ahmad. (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18-24. <https://doi.org/h29r>
- Hansaram, S. K. (2019) Exploring middle-class Malaysian parents' perceptions and concerns about children's Internet usage. *Stream: Inspiring Critical Thought*, 11(1), 21–33.
- Hoffmann-Wróblewska, A., Janik, K., & Zawiślak, A. (2021). Internet and its role in selected aspects of everyday life of adolescents. *Kwartalnik Naukowy Fides Et Ratio*, 46(2), 50-63.
- ICMEC: International Centre For Missing & Exploited Children. (2017). Online grooming of children for sexual purposes: Model legislation & global review (1st ed.).
- Inan-Kaya, G., Mutlu-Byraktar, D., & Yilmaz, O. (2018). Digital parenting: Perceptions on digital risks. *Kalem Eğitim ve İnsan Bilimleri Dergisi*, 8(1), 137-163.
- Jamaluddin Abd Rashid, Ahlam Abdul Aziz, Aris Abdul Rahman, Shahnail Asmaar Saaid, & Zaiha Ahmad. (2020). The influence of mobile phone addiction on academic performance among teenagers. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 408-424.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Manual pengajaran dan pembelajaran di rumah.
- Kopecky, K., Střílková, P., Sztokowski, R., & Romero-Rodríguez, J.-M. (2020). Dangerous challenges on the Internet. *Pediatr. Praxi*, 21(2), 85–89.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970) Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lakshmana, G., Kasi, S., & Rehmatulla, M. (2017). Internet use among adolescents: Risk-taking behavior, parental supervision, and implications for safety. *Indian J. Soc. Psychiatry*, 33, 297-304.
- Leiner, B. M., Cerf, V. G., Clark, D. D., Kahn, R. E., Kleinrock, L., Lynch, D. C., Postel, J., Roberts, L. G., & Wolff, S. S. (1997). The past and future history of the Internet: The science of future technology. *Communications of the ACM*, 40(2), 102-108.
- Livingstone, S., & Haddon, L. (Eds.). (2009). Introduction: Kids online: Opportunities and risks for children. In *Kids online: Opportunities and risks for children* (pp. 1-6). The Policy Press.
- Livingstone, S. (2014). Risk and harm on the Internet. In Jordan, A., & Romer, D. (Eds.), *Media and the well-being of children and adolescents* (pp. 129-146). Oxford University Press.
- Livingstone, S., Ólafsson, K., Helsper, E. J., Lupiáñez-Villanueva, F., Veltri, G. A., & Folkvord, F. (2017). Maximizing opportunities and minimizing risks for children online: The role of digital skills in emerging strategies of parental mediation. *Journal of Communication*, 67(1), 82-105.
- Livingstone, S., & Byrne, J. (2018). Parenting in the digital age. The challenges of parental responsibility in comparative perspective. In G. Mascheroni, C. Ponte & A. Jorge (Eds.), *Digital Parenting. The challenges for families in the digital age (Yearbook 2018)* (pp. 19-30). Gothenburg, Nordicom: University of Gothenburg.
- Minhaj, F. S., & Leonard, J. (2021). Dangers of the TikTok Benadryl challenge. *Contemporary PEDS Journal*, 38(1). <https://www.contemporarypediatrics.com/view/dangers-of-the-tiktok-benadryl-challenge>
- Muhammad Ashraf Fauzi, Nur Muneerah Kasim, & Norazha Paiman. (2021). Fear of missing out among adolescents: Formulating big five personality traits to smartphone addiction. *International Journal of E-Services and Mobile Applications*, 13(4), 60-76.

- Nazilah Ahmad @ Ahmad Arifin, Umi Asma' Mokhtar, Zaihosnita Hood, Sabrina Tiun, & Dian Indrayani Jambari. (2019). Parental awareness on cyber threats using social media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 485-498.
- Nor Azihan Md Ghazali. (2021, Jun 11). Seorang usahawan kosmetik ditahan untuk siasatan. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2021/06/11/safiey-iliyas-sudah-ditahan-untuk-siasatan/>
- Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman, Tengku Maaidah Tengku A. Razak, Nik Nurul Akmal Ab. Alim, Nur Kamillah Kamaruddin, Najahudin Lateh, & Nurhidayah Hashim. (2021). Pornografi dalam kalangan remaja generasi Z menurut perspektif Islam. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 67-78.
- Norbaidurah Ithnain, Shazli Ezzat Ghazali, & Norrafizah Jaafar. (2018). Ketagihan telefon pintar dalam kalangan mahasiswa. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 18(Jun), 131-143.
- Normah Mustafa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob, & Mohd Helmi Abd Rahim. (2013). Kebergantungan Internet dan aktiviti online remaja di Lembah Kelang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 199-212.
- Nurhamizah Hashim, & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337-352.
- Ojeda, M., Del Rey, R., Walrave, M., & Vandebosch, H. (2020). Sexting in adolescents: Prevalence and behaviours. *Comunicar*, 28(64), 9-19.
- Orben, A., Tomova, A., & Blakemore, S-J. (2020). The effects of social deprivation on adolescent development and mental health. *Lancet Child Adolesc Health*, 4(8), 634-640.
- Pallant, J. (2016). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (6th ed.). McGraw Hill Education.
- Resett, S. (2021). Grooming online, sexting and emotional problems in Argentinean adolescents. *Ciencias Psicológicas*, 15(1), e-2397.
- Ruli, E. (2020). Tugas dan peran orang tua dalam mendidik anak. *Jurnal Edukasi Nonformal* 1(1), 143-146.
- Sarina Yusuf, Fatima Mohamed Al-Majdhoub, Nur Nadia Mubin, Rizky Hafiz Chaniago, & Fazal Rahim Khan. (2021). Cyber aggression-victimization among Malaysians youth. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 17(1), 240-260.
- Saodah Wok, & Shafizan Mohamed. (2017). Internet and social media in Malaysia: Development, challenges and potentials. In B. Peña-Acuña (Ed.), *The evolution of media communication* (Chap. 4, pp. 45-64). Intech Open.
- Simon, S. (2017). Cyber victimization: School experience of Malaysian cyberbullied teenagers. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 11(3), 713-720. <https://publications.waset.org/10006848/cyber-victimization-school-experience-of-malaysian-cyberbullied-teenagers>
- Smahel, D., Machackova, H., Mascheroni, G., Dedkova, L., Staksrud, E., Ólafsson, K., Livingstone, S., & Hasebrink, U. (2020). EU Kids Online 2020: Survey results from 19 countries. *EU Kids Online*.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)*. (2020). Internet users survey 2020.

- Symons, K., Ponnet, K., Emmerly, K., Walrave, M., & Heirman, W. (2017). Parental knowledge of adolescents' online content and contact risks. *J. Youth Adolescence*, *46*, 401–416.
- Thang Siew Ming, Lay Shi Ng, & Adzuhaidah M. Taha. (2020). Awareness of the risks and dangers of social networking: Exploration on four types of Malaysian secondary schools. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *36*(1), 147-165.
- Umashankari, V., Kiran Babu, N. C., & Daspurkayastha, M. (2020). Study on levels of peer pressure among adolescents. *The International Journal of Indian Psychology*, *8*(3).
- UNICEF: United Nations Children's Fund. (2017). The state of the world's children 2017: Children in a digital world. <https://www.unicef.org/reports/state-worlds-children-2017>
- Wu, C.-Y., Lee, M.-B., Liao, S.-C., & Chang, L.-R. (2015). Risk factors of Internet addiction among Internet users: An online questionnaire survey. *PLoS ONE*, *10*(10), e0137506. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0137506>
- Wurtele, S. K, Matthers, B., & Kenny, M. C. (2019). Keeping students out of harm's way: Reducing risks of educator sexual misconduct. *Journal of Child Sexual Abuse*, *28*(2), 160–186.
- Ying Ying, C., Awaluddin, S. M., Kuang Kuay, L., Siew Man, C., Baharudin, A., Miaw Yn, L., Sahril, N., Omar, M. A., Ahmad, N. A., & Ibrahim, N. (2020). Association of Internet addiction with adolescents' lifestyle: A national school-based survey. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *18*(1), 168. <https://doi.org/hwxw>
- Zainudin Awang. (2017). *Metodologi penyelidikan dan analisis data*. Penerbit Universiti Teknologi MARA (UiTM).